

Ad TRENDING



5 Resepi Jagung Yang Korang Patut Cuba. Last Tu Yang Paling Mudah Dan Sedap!

by MAMEE

Learn More

Boikot FFM31? Finas tetap teruskan

Sudirman Mohd Tahir

sudirman@hmetro.com.my



ZAKARIA Abdul Hamid

Kuala Lumpur: "Festival Filem Malaysia ke-31 (FFM31) tetap diteruskan," kata Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) Zakaria Abdul Hamid susulan wujud kempen boikot FFM31 yang digerakkan individu tertentu sejak minggu lalu.

Zakaria ketika dihubungi berkata, penganjuran FFM 31 yang dirancang pada Oktober depan bakal dijalankan sama ada secara hibrid atau virtual sepenuhnya.

Menurut Zakaria, pihaknya juga maklum mengenai kelompok kecil yang menjalankan kempen itu menggunakan #boikotffm31.


"FFM31 dirancang pada Oktober ini selepas tertangguh dua tahun disebabkan penularan pandemik Covid-19. Tujuan FFM adalah untuk meraikan penggiat filem yang sudah bertungkus lumus berkarya walaupun dalam kekangan ketika ini.

"Ia juga untuk menilai perkembangan kualiti filem sebagai langkah memperkemarkan persiapan 'Road to Oscars'. Kami maklum mengenai kelompok kecil yang menjalankan kempen boikot FFM31 di media sosial atas alasan suasana yang sukar ketika ini," katanya kepada Harian Metro.

Trending



Umno tarik balik sokongan, bukan keputusan setiap Ahli Parlimen - Pakar



Kehilangan abang berakhir khabar menyedihkan



'Kerja mudah' wang lumayan



Umno tarik balik sokongan kepada kerajaan PN [METROTV]



'Minta maaf untuk apa?'

Zakaria berkata, pihaknya menghormati hak bersuara setiap individu dan prihatin dengan masalah yang ketika ini bukan saja dihadapi penggiat seni, tetapi seluruh rakyat Malaysia dan seluruh dunia.

"Ahli Perbadanan sebulat suara berpendapat perancangan Finas perlu dilaksanakan semampu mungkin dan tidak boleh terhenti begitu saja dengn alasan pandemik Covid-19.

"Jadi, FFM31 tetap berlangsung sama ada secara hibrid atau sepenuhnya virtual seperti Anugerah Oscars baru-baru ini. Malah, Filipina baharu saja mengadakan festival filem mereka," katanya.

Menurut Zakaria, pihak yang menjalankan kempen boikot itu tidak faham konsep penganjuran FFM31.

"Segelintir pihak yang menyokong kempen itu tidak faham konsep FFM kali ini kerana mereka tidak membaca kenyataan Finas mengenai FFM. Mereka samakan seperti pesta lain sebelum ini.

"Ketika ini kita tertakluk dengan prosedur operasi standard (SOP) ketat di mana acara akan dijalankan secara hibrid atau maya sepenuhnya bergantung kepada suasana pada Oktober nanti. Kami juga menjangkakan penularan Covid-19 akan terkawal nanti apabila lebih 70 peratus rakyat sudah diberi vaksin. Finas sebagai agensi pelaksana kerajaan harus sentiasa proaktif, berpandangan jauh dan kreatif dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan," katanya.

Menerusi kempen boikot yang dijalankan, antara lain mereka menekankan Finas perlu mengutamakan soal kebajikan anak seni yang tiada pekerjaan dan gaji.

Zakaria menjelaskan, usaha membantu penggiat industri terus dijadikan agenda utama antaranya menyalurkan dana yang terbaru berjumlah RM46.9 juta kepada 81 syarikat produksi.

"Dana ini untuk menggerakkan ekonomi industri perfileman yang mana melalui kerja penggambaran nanti akan membuka peluang pekerjaan dan pendapatan untuk kru dan pekerja belakang tabir. Pelbagai lagi inisiatif dilaksanakan Finas sejak Mei tahun lalu untuk membantu industri. Finas juga menyokong mana-mana persatuan menganjurkan program bantuan makanan untuk warga seni yang memerlukan. "Minggu depan Finas akan mengedarkan bakul makanan kepada persatuan-persatuan untuk edaran kepada ahli yang terkesan. Skop kebajikan yang kami jalankan adalah terhad kerana tidak boleh mengambil tugas agensi kerajaan lain. Finas tidak boleh menyalurkan bantuan tunai 'one off' kepada warga seni kerana tertakluk dengan Akta 244 dan sudah ada agensi lain yang menyalurkan tunai kepada seluruh rakyat yang layak termasuk warga

Mutakhir

[Polis KL turun padang bantu warga kota miskin](#)

[Sewa rumah untuk 'melombong' bitcoin](#)

[Air zam zam diikrar jus](#)

[463 kes rentas negeri, cetus lima kluster besar di Terengganu](#)

['Ingat berlaku jenayah, rupanya polis hantar bantuan'](#)



[Umno tarik balik sokongan, bukan keputusan setiap Ahli Parlimen - Pakar](#)

MyResipi



[Tips Mudah Goreng Ayam Guna Air Fryer](#)

seni rakyat negara ini.

"Banyak inisiatif kerajaan yang boleh dimanfaatkan oleh warga seni sebagai rakyat Malaysia seperti bantuan untuk golongan B40 iaitu moratorium, i-Citra, bantuan Pebadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan banyak lagi. Finas juga sedang berunding dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk kebenaran penggambaran seberapa segera dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) untuk membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Finas, Hulu Klang," katanya.

Disiarkan pada: Julai 7, 2021 @ 12:11pm



[Jom Cuba Resepi Sambal Ikan Tongkol, Memang Cukup Rasa & Warna Sambal Pun Cantik!](#)



[Tips Bersihkan Blender Atau Pengisar Dengan Mudah, Confirm Hilang Segala Bau!](#)



[Resepi Daging Kari Masak Kicap, Aroma & Rasanya Membangkitkan Selera Weh!](#)



[Tips Cuci Siput Sedut Sehingga Hilang Lumpur & Segala Lendir, Memang Berhasil Lah!](#)

Artikel Berkaitan



[RAP/RAPXTRA](#)
[FFM31 tak wajar diteruskan](#)



[RAP/RAPXTRA](#)
[67 filem, 32 kategori dalam FFM31](#)




[RAP/RAPXTRA](#)
[FFM31 & AME 2020 ditunda!](#)



[RAP/RAPXTRA](#)
['Tiada ketirisan dan pilih kasih' - Finas](#)

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh |



The Cost of Funeral Services in Malaysia in...
Funeral | Search Ads



Rihanna Snaps up Her Neighbor's...
Mansion Global



Luxury Retirement Homes in...
Senior Living | Search...



Here is what an unsold SUV might cost you ...
SUV Deals | Search Ads




Funny Yearbook Quotes That Slipped Under...
TooCool2BeTrue



Petaling Jaya: I was surprised when I saw the...
Stair Lift | Sponsored ...



Bayar 2 kali kurang untuk elektrik dengan...
PowerFactorSaver



Why data lifecycle management is...
TechBeacon

Hubungi Kami	Utama	Akademia	Addin
Team myMetro	Mutakhir	#ITMetro	Rencana
RSS Feed	Global	Ku Bela	Sihat
Disclaimer	Arena	Santai	Xpresi
Notis Perlindungan	Rap/Rapxtra	P&P	Vroom
Data Peribadi	Bisnes	Dekotaman	Galeri
	MetroTV	WM	Infografik